

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA
KINABALU]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 6

YB Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci butir-butir tender MCMC bagi membina 50 menara telekomunikasi di seluruh Sabah di bawa fasa pertama National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP 1) kepada Edotco Malaysia Sdn. Bhd. dan FGV Prodata Systems Sdn Bhd. Siapakah pemilik menara- menara telekomunikasi ini setelah siap dibina.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 (NFCP 1) telah bermula pada 15 Februari 2020. Projek ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di 152 tapak yang melibatkan 93 mukim di seluruh negara. Ianya merangkumi lapan (8) buah negeri di Malaysia iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Terengganu dan Sabah. Adalah dianggarkan bahawa 40,000 penduduk di kawasan yang terlibat akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek ini.
2. Inisiatif ini dijangka akan siap dalam tempoh 12 bulan bagi 147 tapak, manakala 24 bulan untuk baki lima (5) tapak lagi memandangkan lokasinya yang agak jauh di pedalaman.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sabah akan mendapat manfaat terbesar iaitu sebanyak 50 tapak (32.9%) daripada keseluruhan 152 tapak. Edotco Malaysia Sdn Bhd telah dianugerahkan untuk membina sebanyak 24 tapak struktur menara komunikasi manakala FGV Prodata Systems Sdn Bhd sebanyak 26 tapak. Setelah menara-menara tersebut siap dibina, U Mobile Sdn Bhd pula akan bertanggungjawab untuk pemasangan alat pemancar komunikasi dan pemberian perkhidmatan mudah alih di semua 50 tapak tersebut. Di bawah inisiatif ini, para pengguna akan menikmati perkhidmatan 3G dan 4G.

SOALAN NO: 6

4. Di bawah inisiatif ini, U Mobile Sdn Bhd selaku pemberi perkhidmatan sejagat yang dilantik akan menjadi pemilik kepada semua 50 menara tersebut. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan pengoperasian dan penyelenggaraan menara-menara komunikasi tersebut.
5. Pembinaan menara telekomunikasi di bawah fasa pertama NFCP1 dilaksanakan menurut rangka kerja pemberian perkhidmatan sejagat (dengan izin '*universal service provision*').
6. Dari sudut perundangan, berdasarkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dokumen '*Commission Determination on Universal Service Provision, Determination No. 6 of 2002*' yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya, apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian yang disediakan berdasarkan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan (dengan izin '*approved universal service plan*'), akan dimiliki oleh pemberi kemudahan rangkaian atau pemberi perkhidmatan rangkaian yang dilantik (sebagai pemberi perkhidmatan sejagat) untuk menyediakannya, selagi pelantikan mereka sebagai pemberi perkhidmatan sejagat tersebut tidak dibatalkan.